

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAHASA MELAYU KERTAS 1 (1103/1)  
SET 2**

**SOALAN BAHAGIAN A (30 markah)**

**1. Format penulisan komen:**

- T - menepati tema**
- I - relevan, huraian jelas**
- B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas**
- P - sangat menarik dan berkesan**

*Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan hari keusahawanan di sekolah.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, hantar e-mel kepada sahabat anda yang tinggal di negeri lain untuk menceritakan **Hari Keusahawanan sekolah anda**.*

*Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**2. Kehendak / tugasannya soalan:**

- i. Calon dikehendaki menghantar e-mel kepada sahabat yang tinggal di negeri lain dengan menyentuh semua bahan yang diberikan.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:
  - aktiviti hari keusahawanan di sekolah anda (Bahan 1).
  - faedah hari keusahawanan iaitu membudayakan kemahiran inovasi dalam kehidupan sebagai usahawan berjaya pada masa hadapan.(Bahan 2)
  - faedah hari keusahawanan iaitu menyuburkan semangat kerjasama sesama warga (Bahan 3)
- iii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan hari keusahawanan di sekolah mereka - diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN** .
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- viii. Format : **E-mel**
  - Tidak ada alamat e-mel sendiri, kepada e-mel yang ditujukan, perkara/tajuk - markah maksimum **KEPUJIAN**

## **SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)**

### **1. Format penulisan komen:**

**T - menjawab tugasan**

**I - relevan, huraihan jelas, contoh sesuai**

**B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**

**P - menarik dan berkesan**

### **Soalan 1**

1

Penggunaan e-dompet membolehkan orang ramai menjalankan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal dan memudahkan pengguna membuat transaksi wang secara pantas dan tidak perlu beratur panjang. Namun begitu, aplikasi digital ini sukar digunakan jika talian Internet kurang stabil dan sesetengah peniaga hanya menerima e-dompet tertentu.

Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Berdasarkan petikan di atas, terdapat kelebihan dan kekurangan penggunaan e-dompet dalam kalangan masyarakat.

Bincangkan.

### **Kehendak / tugasan soalan:**

1. Calon dikehendaki membincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan e-dompet dalam kalangan masyarakat seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:

#### **Kebaikan e-dompet:**

- membolehkan orang ramai menjalankan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal / memudahkan pengguna membuat transaksi wang secara pantas dan tidak perlu beratur panjang

#### **Kekurangan e-dompet:**

- sukar digunakan jika talian Internet kurang stabil / sesetengah peniaga hanya menerima e-dompet tertentu.

### **Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain - terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan kebaikan **atau** kekurangan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**

## **Soalan 2**

2

Melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kerajaan telah memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran, terlatih, berbudaya usahawan, sekali gus menjadi belia yang lebih berdikari dan mampu menyesuaikan diri dalam suasana kerjaya yang mencabar pada masa hadapan. Pelbagai kempen, promosi dan penjenamaan semula TVET dilakukan secara komprehensif bagi menjadikannya kerjaya pilihan seperti di negara maju di dunia.

Sumber : Dipetik daripada

kenyataan media Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, <https://www.pmo.gov.my/>

3 Februari 2022

Ulas pernyataan di atas.

### **Kehendak / tugasannya soalan:**

1. Calon dikehendaki mengulas pernyataan dalam petikan tentang kepentingan Pendidikan Teknikal dan Vokasional(TVET) kepada pelajar, iaitu:
  - dapat melahirkan pelajar yang berkemahiran, terlatih, berbudaya usahawan, sekali gus menjadi belia yang lebih berdikari
  - dapat melahirkan pelajar yang mampu menyesuaikan diri dalam suasana kerjaya yang mencabar pada masa hadapan
  - TVET sebagai kerjaya pilihan seperti di negara maju di dunia

### **Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain - terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**

### Soalan 3

3

Generasi muda pada hari ini lebih terdedah kepada alam siber dan permainan komputer sehingga melupakan permainan tradisional seperti congkak, gasing, batu seremban, teng-teng dan tarik upih. Penganjuran karnival sukan tradisional, antara usaha memartabatkan permainan tradisional di negara kita. Penglibatan pelbagai pihak seperti ibu bapa dan agensi swasta juga mampu mengekalkan warisan budaya pelbagai kaum ini.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*Harian Metro, 31 Julai 2019*

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional?

#### Kehendak / tugasannya soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan tradisional yang terdapat dalam dan luar petikan.

#### Idea dalam petikan:

- Penganjuran karnival sukan tradisional oleh pihak kerajaan / pihak sekolah dan lain-lain

#### Idea luar petikan (contoh):

- Ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak / membeli peralatan/ menjadi suri teladan dan lain-lain
- Agensi swasta / agensi pelancongan memperkenalkan permainan tradisional kepada pelancong asing / pertukaran budaya dengan negara luar / dan lain-lain

#### Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan usaha satu pihak sahaja – terima seperti biasa
3. Keseluruhan jawapan calon hanya menghuraikan usaha tanpa impak/ kesan – maksimum peringkat **BAIK**
4. Calon tidak menyatakan pihak – maksimum peringkat **KEPUJIAN**

#### **Soalan 4**

4

Industri kraf tangan di Malaysia terkenal dengan seni tradisional yang sangat menarik dan unik kerana diperbuat daripada sumber alam semula jadi seperti kayu, rotan dan tanah liat . Hasil kraf tangan telah diperturun dari satu generasi ke satu generasi demi mengekalkan warisan budaya sesuatu kaum seperti tembikar, batik, ukiran, tenunan, anyaman, tekat, wau dan pelbagai barang perhiasan.

Sumber : *Internet*

Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah pusat kraf tangan baru-baru ini. Sebagai setiausaha persatuan itu, anda dikehendaki menulis satu laporan lengkap tentang lawatan tersebut.

Tulis laporan itu selengkapnya.

#### **Kehendak / tugasannya soalan:**

1. Calon dikehendaki menulis satu laporan lengkap tentang lawatan sambil belajar ke sebuah pusat kraf tangan yang telah dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu sekolahnya.
2. Calon dikehendaki menulis laporan menggunakan idea sendiri sebagai setiausaha Persatuan Bahasa Melayu.

#### **Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan – terima seperti biasa
2. Format laporan:
  - Tidak ada tajuk dan maklumat pelapor - markah maksimum **KEPUJIAN**

#### **Bahagian A dan B**

Jika calon menulis idea dalam bentuk poin, markah - **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

#### **Bahagian B**

- Bilangan perkataan 511 dan ke atas - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Bilangan perkataan 339 dan ke bawah - maksimum peringkat **BAIK**